JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK ALAM SEKITAR

ENVIRONMENT STATISTICS

NEGERI SEMBILAN
2021

Pemakluman / *Announcement*:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust"*

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust"

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by*:
Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics, Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook/Twitter/Instagram	:	StatsMalaysia
Emel / *Email*	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
	:	data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price*: RM20.00

Diterbitkan pada April 2022 / *Published on April 2022*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”.

ISSN 2805-4849

KATA PENGANTAR

Statistik Alam Sekitar, 2021 memaparkan statistik alam sekitar Negeri Sembilan yang meliputi enam komponen iaitu Keadaan dan Kualiti Alam Sekitar; Sumber Alam Sekitar dan Kegunaannya; Sisa; Kejadian Ekstrem dan Bencana; Penempatan Penduduk dan Kesihatan Persekitaran; dan Penglibatan, Pengurusan dan Perlindungan Alam Sekitar. Penyusunan statistik ini meliputi maklumat dan keadaan alam sekitar, impak aktiviti manusia ke atas alam sekitar dan langkah yang diambil bagi mengurangkan impak tersebut.

Statistik alam sekitar ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan negeri, sektor swasta, ahli akademik serta individu sebagai rujukan dalam menjalankan penyelidikan dan penganalisisan di peringkat negeri. Rangka kerja yang digunakan dalam penerbitan ini adalah berdasarkan *Framework for the Development of Environment Statistics* (FDES), *United Nations* 2013.

Penerbitan ini mengandungi enam bahagian. Bahagian pertama membentangkan infografik statistik alam sekitar, diikuti dengan ringkasan penemuan mengikut komponen di bahagian kedua serta kotak artikel di bahagian ketiga. Bahagian keempat pula memuatkan jadual terperinci mengenai statistik alam sekitar. Lampiran dan glosari disertakan di bahagian kelima dan keenam bagi membantu pengguna memahami statistik dan terma alam sekitar yang digunakan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
April 2022

PREFACE

Environment Statistics, 2021 presents the environment statistics of Negeri Sembilan which covers six components namely Environmental Conditions and Quality; Environmental Resources and their Use; Residuals; Extreme Events and Disasters; Human Settlements and Environmental Health; and Environmental Protection, Management and Engagement. The compilation of these statistics includes environment state and information, impacts of human activities on the environment and actions taken to minimise the impact.

These environment statistics can be used by state government agencies, private sectors, academicians and individuals as a reference to conduct research and analysis at the state level. The framework used in this publication is based on the Framework for the Development of Environment Statistics (FDES) United Nations 2013.

This publication consists of six parts. The first part focused on the infographics of environment statistics, followed by a summary of findings by component in the second part with the articles box at the third part. The fourth part contains detailed tables on environment statistics. Appendices and glossary covered in the fifth and sixth parts are to facilitate users in understanding the statistics and environment terms used.

The Department gratefully acknowledges the co-operation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. Every feedback and suggestion towards improving future publications is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician, Malaysia
April 2022

KANDUNGAN / *CONTENTS*

	Muka surat *Page*
Kata Pengantar *Preface*	i ii
Senarai Jadual *List of Tables*	iv
Senarai Lampiran *List of Appendices*	viii
Infografik *Infographic*	xi xii
Ringkasan Penemuan *Summary of Findings*	3 18
Artikel *Article*	35 38
Jadual Statistik *Statistical Tables*	
Komponen 1 **Keadaan dan Kualiti Alam Sekitar** *Component 1* *Environmental Conditions and Quality*	43
Komponen 2 **Sumber Alam Sekitar dan Kegunaannya** *Component 2* *Environmental Resources and Their Use*	52
Komponen 3 **Sisa** *Component 3* *Residuals*	55
Komponen 4 **Kejadian Ekstrem dan Bencana** *Component 4* *Extreme Events and Disasters*	57
Komponen 5 **Penempatan Penduduk dan Kesihatan Persekitaran** *Component 5* *Human Settlements and Environmental Health*	59
Komponen 6 **Penglibatan, Pengurusan dan Perlindungan Alam Sekitar** *Component 6* *Environmental Protection, Management and Engagement*	63
Lampiran *Appendices*	67
Glosari *Glossary*	85

SENARAI JADUAL / *LIST OF TABLES*

Jadual *Table*		Muka Surat *Page*
Komponen 1 *Component*	**Keadaan dan Kualiti Alam Sekitar** *Environmental Conditions and Quality*	
1.1	**Purata suhu, volum hujan dan purata kelembapan relatif, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Mean temperature, rainfall volume and mean relative humidity, Negeri Sembilan, 2016-2020*	43
1.2	**Purata bulanan tekanan aras laut, Negeri Sembilan, 2020** *Monthly mean sea level pressure, Negeri Sembilan, 2020*	43
1.3	**Purata bulanan kelajuan angin permukaan, Negeri Sembilan, 2020** *Monthly mean surface wind speed, Negeri Sembilan, 2020*	43
1.4	**Purata bulanan sinaran global, Negeri Sembilan, 2020** *Monthly mean global radiation, Negeri Sembilan, 2020*	43
1.5	**Purata bulanan penyejatan, Negeri Sembilan, 2020** *Monthly mean evaporation, Negeri Sembilan, 2020*	44
1.6	**Senarai lembangan sungai utama di Negeri Sembilan** *List of major river basins in Negeri Sembilan*	44
1.7	**Panjang pesisiran pantai, Negeri Sembilan, 2020** *Coastal length, Negeri Sembilan, 2020*	45
1.8	**Empangan dan kolam takungan di Negeri Sembilan** *Dams and reservoirs in Negeri Sembilan*	45
1.9	**Keluasan tanah, Negeri Sembilan, 2021** *Land area, Negeri Sembilan, 2021*	45
1.10	**Kawasan perlindungan yang digazet, Negeri Sembilan** *Gazetted protected area, Negeri Sembilan*	46
1.11	**Kawasan berhutan dan tidak berhutan, Negeri Sembilan, 2014-2018** *Forested and non-forested areas, Negeri Sembilan, 2014-2018*	46
1.12	**Keluasan hutan simpanan kekal, Negeri Sembilan, 2014-2018** *Area of permanent reserved forest, Negeri Sembilan, 2014-2018*	47
1.13	**Keluasan hutan paya laut, Negeri Sembilan, 2014-2018** *Area of mangrove forest, Negeri Sembilan, 2014-2018*	47
1.14	**Status kualiti udara mengikut stesen, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Air quality status by station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	47
1.15	**Bacaan minimum dan maksimum bulanan Indeks Pencemaran Udara (IPU), Negeri Sembilan, 2020** *Monthly minimum and maximum Air Pollutant Index (API), Negeri Sembilan, 2020*	48
1.16	**Purata bulanan kepekatan Habuk Halus ($PM_{2.5}$) di udara, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Monthly average concentration of Particulate Matter ($PM_{2.5}$) in the air, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	49

SENARAI JADUAL / *LIST OF TABLES*

Jadual *Table*		Muka Surat *Page*
1.17	**Purata bulanan kepekatan Habuk Halus (PM_{10}) di udara, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Monthly average concentration of Particulate Matter (PM_{10}) in the air, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	49
1.18	**Purata bulanan kepekatan Ozon Permukaan Bumi (O_3) di udara, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Monthly average concentration of Ground Level Ozone (O_3) in the air, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	49
1.19	**Purata bulanan kepekatan Karbon Monoksida (CO) di udara, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Monthly average concentration of Carbon Monoxide (CO) in the air, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	50
1.20	**Purata bulanan kepekatan Sulfur Dioksida (SO_2) di udara, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Monthly average concentration of Sulphur Dioxide (SO_2) in the air, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	50
1.21	**Purata bulanan kepekatan Nitrogen Dioksida (NO_2) di udara, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Monthly average concentration of Nitrogen Dioxide (NO_2) in the air, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	50
1.22	**Status kualiti air marin di kawasan pesisiran pantai, muara sungai dan pulau berdasarkan Indeks Kualiti Air Marin, Negeri Sembilan, 2017-2020** *Status of marine water quality in coastal, estuary and island areas based on Marine Water Quality Index, Negeri Sembilan, 2017-2020*	51
Komponen 2 *Component*	**Sumber Alam Sekitar dan Kegunaannya** *Environmental Resources and Their Use*	
2.1	**Keluasan hutan yang dilesenkan untuk pengusahasilan, Negeri Sembilan, 2014-2018** *Forest area licensed for harvesting, Negeri Sembilan, 2014-2018*	52
2.2	**Pengeluaran produk kayu-kayan utama, Negeri Sembilan, 2014-2018** *Production of major timber products, Negeri Sembilan, 2014-2018*	52
2.3	**Pendaratan ikan laut, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Landings of marine fish, Negeri Sembilan, 2016-2020*	52
2.4	**Bilangan ternakan, Negeri Sembilan, 2019** *Number of livestock, Negeri Sembilan, 2019*	53
2.5	**Anggaran bilangan ternakan, Negeri Sembilan, 2020** *Estimated number of livestock, Negeri Sembilan, 2020*	53
2.6	**Reka bentuk kapasiti loji rawatan air, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Water treatment plants design capacity, Negeri Sembilan, 2016-2020*	53
2.7	**Pengeluaran air yang dibekalkan, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Production of water supplied, Negeri Sembilan, 2016-2020*	54

SENARAI JADUAL / *LIST OF TABLES*

Jadual *Table*		Muka Surat *Page*
2.8	**Bekalan air mentah diabstrak dari sungai dan empangan, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Supply of abstracted raw water from rivers and storage dams, Negeri Sembilan, 2016-2020*	54
2.9	**Penggunaan air bermeter mengikut sektor, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Metered water consumption by sector, Negeri Sembilan, 2016-2020*	54
Komponen 3 *Component*	**Sisa** *Residuals*	
3.1	**Loji rawatan pembetungan awam, Negeri Sembilan, 2018-2020** *Public sewerage treatment plant, Negeri Sembilan, 2018-2020*	55
3.2	**Sisa perbandaran yang dirawat, Negeri Sembilan, 2020** *Municipal waste treated, Negeri Sembilan, 2020*	55
3.3	**Bilangan kemudahan rawatan dan pelupusan sisa perbandaran, Negeri Sembilan, 2020** *Number of municipal waste treatment and disposal facilities, Negeri Sembilan, 2020*	56
3.4	**Buangan terjadual, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Scheduled waste, Negeri Sembilan, 2016-2020*	56
3.5	**Kuantiti buangan klinikal, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Quantity of clinical waste, Negeri Sembilan, 2016-2020*	56
3.6	**Bilangan tapak pelupusan sisa pepejal yang beroperasi, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Number of operating solid waste landfills, Negeri Sembilan, 2016-2020*	56
Komponen 4 *Component*	**Kejadian Ekstrem dan Bencana** *Extreme Events and Disasters*	
4.1	**Bilangan kejadian banjir yang dilaporkan, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Number of flood incidents reported, Negeri Sembilan, 2016-2020*	57
4.2	**Bilangan kemalangan jalan raya dan kecederaan yang dilaporkan, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Number of road accidents and casualties reported, Negeri Sembilan, 2016-2020*	57
4.3	**Bilangan kejadian kebakaran, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Number of fire incidents, Negeri Sembilan, 2016-2020*	57
4.4	**Bilangan kematian, kecederaan dan anggaran kerugian akibat kebakaran yang dilaporkan, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Number of deaths, injuries and estimated losses caused by fire reported, Negeri Sembilan, 2016-2020*	58
4.5	**Taburan kawasan hakisan pantai di Negeri Sembilan, 2020** *Distribution of coastal erosion areas in Negeri Sembilan, 2020*	58

SENARAI JADUAL / *LIST OF TABLES*

Jadual *Table*		Muka Surat *Page*
Komponen 5 *Component*	**Penempatan Penduduk dan Kesihatan Persekitaran** *Human Settlements and Environmental Health*	
5.1	**Anggaran penduduk pertengahan tahun, Negeri Sembilan, 2017-2021** *Mid-year population estimates, Negeri Sembilan, 2017-2021*	59
5.2	**Kepadatan penduduk, Negeri Sembilan, 2017-2021** *Population density, Negeri Sembilan, 2017-2021*	59
5.3	**Penduduk dengan air paip yang dirawat mengikut strata, Negeri Sembilan, 2016-2019** *Population with treated piped water by strata, Negeri Sembilan, 2016-2019*	59
5.4	**Kadar tarif air bagi domestik, Negeri Sembilan, 2020** *Water tariff rates for domestic, Negeri Sembilan, 2020*	60
5.5	**Kadar tarif air bagi industri, Negeri Sembilan, 2020** *Water tariff rates for industry, Negeri Sembilan, 2020*	60
5.6	**Peratusan isi rumah dengan kemudahan bekalan elektrik mengikut strata, Negeri Sembilan, 2019** *Percentage of households with the accessibility to electricity supply by strata, Negeri Sembilan, 2019*	60
5.7	**Bilangan ketibaan dan pelepasan kapal laut yang terlibat dalam perdagangan luar negeri, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Number of arrivals and departures of ocean-going vessel engaged in foreign trade, Negeri Sembilan, 2016-2020*	61
5.8	**Kargo yang dikendalikan mengikut pelabuhan, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Cargo throughput by port, Negeri Sembilan, 2016-2020*	61
5.9	**Kadar insiden keracunan makanan, kolera dan tifoid, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Incidence rate of food poisoning, cholera and typhoid, Negeri Sembilan, 2016-2020*	61
5.10	**Bilangan kes demam denggi, demam denggi berdarah dan malaria, Negeri Sembilan, 2016-2020** *Number of dengue fever, dengue haemorrhagic fever and malaria cases, Negeri Sembilan, 2016-2020*	62
Komponen 6 *Component*	**Penglibatan, Pengurusan dan Perlindungan Alam Sekitar** *Environmental Protection, Management and Engagement*	
6.1	**Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, Negeri Sembilan, 2019** *Environmental protection expenditure by type of expenditure, Negeri Sembilan, 2019*	63

Lampiran *Appendices*		**Muka Surat** *Page*
1	***Framework for the Development of Environment Statistics* (FDES) dan hubung kait dengan rangka kerja Daya Penggerak-Tekanan-Keadaan-Impak-Respon (DPSIR)** *The FDES and its relationship with the Driving Force-Pressure-State-Impact-Response (DPSIR) framework*	67
2	**Perbandingan nilai IPU dengan tahap pencemaran dan kawalan kesihatan** *Comparison of API values with the level of pollution and health measures*	68
3	**Punca dan kesan bahan pencemar udara kepada manusia dan tumbuhan** *Sources and effects of air pollutants on human and plants*	69
4	**Klasifikasi kualiti air berdasarkan Indeks Kualiti Air** *Water quality classification based on Water Quality Index*	70
5	**Klasifikasi Indeks Kualiti Air dan kelas air dan kegunaan** *Water Quality Index classification and water class and uses*	71
6	**Standard dan kriteria kualiti air marin** *Marine water quality criteria and standards*	72
7A	**Status kualiti air bagi lembangan sungai Bersih yang diawasi, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Water quality status for monitored Clean river basins, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	73
7B	**Status kualiti air bagi lembangan sungai Sederhana Tercemar yang diawasi, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Water quality status for monitored Slightly Polluted river basins, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	76
7C	**Status kualiti air bagi dalam lembangan sungai Tercemar yang diawasi, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020** *Water quality status for monitored Polluted river basins, Negeri Sembilan, 2019 and 2020*	77
8A	**Status kualiti air marin di kawasan pesisiran pantai, Negeri Sembilan, 2018-2020** *Marine water quality status for coastal, Negeri Sembilan, 2018-2020*	78
8B	**Status kualiti air marin di kawasan muara sungai, Negeri Sembilan, 2018-2020** *Marine water quality status for estuary, Negeri Sembilan, 2018-2020*	79
8C	**Status kualiti air marin di kawasan pulau, Negeri Sembilan, 2018-2020** *Marine water quality status for island, Negeri Sembilan, 2018-2020*	80
9	**Nota dan Simbol** *Notes and Symbols*	81

INFOGRAFIK

INFOGRAPHICS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK ALAM SEKITAR

NEGERI SEMBILAN

Keluasan tanah (km²)

2021 6,658.30
2020 6,658.30

Penduduk ('000)

2021 1,129.1
2020 1,127.1

Kawasan berhutan (hektar)

2018 157,964
2017 158,089

Buangan terjadual (tan metrik)

2020 1,162,393
2019 434,975

Rekabentuk kapasiti loji rawatan air (JLH)

2020 994
2019 994

Pengeluaran air yang dibekalkan (JLH)

2020 795
2019 784

Buangan klinikal (tan metrik)

2020 1,645.7
2019 1,364.4

Bekalan air mentah diabstrak dari sungai (JLH)

2020 400
2019 416

Bekalan air mentah diabstrak dari empangan (JLH)

2020 433
2019 385

Bekalan air mentah diabstrak dari air bawah tanah (JLH)

2020 -
2019 -

Kejadian banjir

2020 42
2019 16

Hakisan pantai (km)

2020 9.8
2019 9.8

Kemalangan jalan raya

2020 19,905
2019 25,838

Bilangan demam denggi (kes)

2020 2,879
2019 2,291

Kejadian kebakaran (kes)

2020 1,766
2019 2,438

Nota:
JLH: Juta liter sehari e: anggaran p: awalan

Sumber: Statistik Alam Sekitar, Negeri Sembilan, 2021
Jabatan Perangkaan Malaysia

PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

ENVIRONMENT STATISTICS

NEGERI SEMBILAN

Land areas (km²)

2021	6,658.30
2020	6,658.30

Population ('000)

2021	1,129.1
2020	1,127.1

Forested areas (hectares)

2018	157,964
2017	158,089

Scheduled wastes (metric tonnes)

2020	1,162,393
2019	434,975

Water treatment plants design capacity (MLD)

2020	994
2019	994

Production of water supplied (MLD)

2020	795
2019	784

Clincal wastes (metric tonnes)

2020	1,645.7
2019	1,364.4

Supply of abstracted raw water from rivers (MLD)

2020	400
2019	416

Supply of abstracted raw water from storage dams (MLD)

2020	433
2019	385

Supply of abstracted raw water from groundwater (MLD)

2020	-
2019	-

Flood incidents

2020	42
2019	16

Coastal erosion (km)

2020	9.8
2019	9.8

Road accidents

2020	19,905
2019	25,838

Number of dengue fever cases

2020	2,879
2019	2,291

Fire incidents

2020	1,766
2019	2,438

Notes:
MLD: Million litres per day e: estimate p: preliminary

Source: Environment Statistics, Negeri Sembilan, 2021
Department of Statistics Malaysia

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap sosio-ekonomi dunia secara keseluruhan sejak virus ini dikesan pada penghujung 2019. Negeri Sembilan juga tidak terkecuali dari menerima impak pandemik ini. Sehubungan itu, bagi mengawal penularan pandemik ini, Kerajaan mengambil langkah dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020. Apabila kes jangkitan menunjukkan penurunan, Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan membenarkan perjalanan rentas negeri dan daerah sehingga Disember 2020. Namun perjalanan rentas sempadan negeri dan daerah adalah dilarang bagi kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



[1]Bilangan hari PKPD dikira berdasarkan kawasan yang diumumkan

Pelaksanaan PKP ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Sembilan di mana pada tahun 2020 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga malar 2015 merekodkan RM46.3 bilion (2019: RM48.0 bilion) menyusut 3.6 peratus. KDNK Negeri Sembilan menyumbang 3.4 peratus kepada KDNK Malaysia. Manakala KDNK per kapita adalah RM43,859 (2019: RM45,391). Ini berikutan pelaksanaan perintah berkurung sepenuhnya di mana hanya sektor perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi sepanjang PKP iaitu selama 47 hari berkuat kuasa 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020.

Dari perspektif lain, PKP bukan sahaja membantu mengekang penularan COVID-19, tetapi memberi kesan positif kepada alam sekitar. Kesan positif ini boleh dilihat pada Indeks Pencemaran Udara (IPU), kadar kemalangan jalan raya serta kualiti air sungai.

A. Kualiti Alam Sekitar

Bahan pencemar udara merupakan bahan kimia di udara yang boleh membahayakan manusia dan alam sekitar. Bahan pencemar boleh berbentuk zarah pepejal, titisan cecair atau gas. Terdapat enam (6) bahan pencemar udara utama iaitu Ozon Permukaan Bumi (O_3), Karbon Monoksida (CO), Sulfur Dioksida (SO_2), Nitrogen Dioksida (NO_2) dan Habuk Halus (PM_{10} & $PM_{2.5}$). Pencemaran udara berlaku apabila bahan pencemar ini hadir di atmosfera. Punca dan kesan bahan pencemar udara ditunjukkan seperti di **Lampiran 3.**

Habuk Halus (PM_{10} & $PM_{2.5}$)

Habuk Halus (PM_{10} & $PM_{2.5}$) adalah istilah yang digunakan bagi zarah terampai berukuran kurang daripada diameter 10 dan 2.5 mikron. Zarah boleh berbentuk pepejal atau cecair dan ia termasuk aerosol, debu, asap dan debunga. Pembebasan PM_{10} dari ekzos kenderaan bermotor, penjanaan kuasa dan haba, proses perindustrian dan aktiviti pembakaran terbuka yang akan membawa kepada pencemaran udara serta mengancam kesihatan manusia dan tumbuhan.

Trend purata bulanan kepekatan PM_{10} dalam udara di Negeri Sembilan sepanjang pelaksanaan PKP yang berkuat kuasa 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020 (47 hari), PKPB (65 hari) dan PKPP (177 hari) menunjukkan paras terendah berbanding 2019 kecuali pada bulan Jun dan Disember 2020 (Nilai); dan Disember (Seremban).

Carta 1.1: Purata bulanan kepekatan PM_{10} di udara, stesen Nilai, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.2: Purata bulanan kepekatan PM_{10} di udara, stesen Port Dickson, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.3: Purata bulanan kepekatan PM_{10} di udara, stesen Seremban, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Pelaksanaan PKP kawalan pergerakkan turut memberi kesan yang positif kepada trend purata bulanan kepekatan $PM_{2.5}$ dalam udara di Negeri Sembilan pada 2020 di mana $PM_{2.5}$ mencatatkan paras terendah semasa PKP berbanding 2019 kecuali pada bulan Jun dan Disember 2020 (Nilai dan Seremban); dan Disember (Port Dickson).

Carta 1.4: Purata bulanan kepekatan $PM_{2.5}$ di udara, stesen Nilai, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.5: Purata bulanan kepekatan $PM_{2.5}$ di udara, stesen Port Dickson, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.6: Purata bulanan kepekatan $PM_{2.5}$ di udara, stesen Seremban, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Ozon permukaan bumi (O_3)

O_3 adalah bahan pencemar yang terjadi akibat daripada reaksi kimia dalam udara di antara sebatian organik meruap (VOC) dan nitrogen oksida (NO_x). VOC dan NO_x ini dihasilkan oleh kenderaan bermotor dan sumber perindustrian

Trend purata bulanan kepekatan O_3 dalam udara menurun sepanjang pelaksanaan PKP. Secara amnya, bacaan O_3 pada tahun 2020 adalah lebih rendah berbanding tahun 2019 kecuali pada bulan Mei dan Disember 2020 (Seremban). Ini disebabkan pembukaan sektor ekonomi serta kelonggaran pergerakan rentas negeri semasa PKPB/PKPP telah meningkatkan pencemaran O_3.

Carta 1.7: Purata bulanan kepekatan O_3 di udara, stesen Nilai, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.8: Purata bulanan kepekatan O_3 di udara, stesen Port Dickson, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.9: Purata bulanan kepekatan O_3 di udara, stesen Seremban, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Karbon Monoksida (CO)

CO merupakan gas yang tidak berwarna, tidak berbau dan beracun yang dihasilkan dari punca pembakaran bahan bakar fosil seperti asap kenderaan, proses perindustrian dan aktiviti pembakaran terbuka.

Trend purata bulanan kepekatan CO dalam udara sepanjang pelaksanaan PKP menunjukkan paras terendah di semua stesen berbanding 2019 disebabkan kawalan pengerakan rentas negeri dan bekerja dari rumah dengan secara tidak langsung mengurangkan penggunaan kenderaan. Namun begitu, pembukaan sektor ekonomi serta kebenaran rentas negeri menyebabkan peningkatan kepekatan CO terutama pada bulan Jun, November dan Disember 2020 (Nilai); Mei dan Jun (Port Dickson); Disember 2020 (Seremban).

Carta 1.10: Purata bulanan kepekatan CO di udara, stesen Nilai, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.11: Purata bulanan kepekatan CO di udara, stesen Port Dickson, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.12: Purata bulanan kepekatan CO di udara, stesen Seremban, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Sulfur Dioksida (SO_2)

SO_2 adalah sejenis gas reaktif yang mudah larut dalam air, tidak berwarna dan mempunyai bau yang tidak menyenangkan. Pendedahan yang berlebihan terhadap kepekatan tinggi SO_2 di udara menyebabkan kerosakan sistem pernafasan dan masalah komplikasi kardiovaskular.

Trend purata bulanan kepekatan SO_2 dalam udara sepanjang pelaksanaan PKP pada 2020 menurun berbanding 2019 kecuali pada bulan Jun 2020 (Nilai); Jun dan Oktober (Port Dickson); dan Jun hingga Disember (Seremban).

Carta 1.13: Purata bulanan kepekatan SO_2 di udara, stesen Nilai, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.14: Purata bulanan kepekatan SO_2 di udara, stesen Port Dickson, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.15: Purata bulanan kepekatan SO_2 di udara, stesen Seremban, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Nitrogen Dioksida (NO_2)

NO_2 terbentuk di persekitaran udara melalui pengoksidaan Nitrogen Monoksida (NO). Gas bertoksik ini berwarna merah keperangan dan mempunyai bau yang kuat dan tajam.

Trend purata bulanan kepekatan NO_2 dalam udara pada tahun 2020 menunjukkan penurunan berbanding 2019 disebabkan pelaksanaan PKP kecuali pada bulan Disember 2020 (Nilai dan Seremban); Oktober dan Disember 2020 (Port Dickson).

Carta 1.16: Purata bulanan kepekatan NO_2 di udara, stesen Nilai, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.17: Purata bulanan kepekatan NO_2 di udara, stesen Port Dickson, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 1.18: Purata bulanan kepekatan NO_2 di udara, stesen Seremban, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

B. Purata suhu, hujan dan purata kelembapan relatif

Iklim Malaysia dikategorikan sebagai iklim khatulistiwa yang mempunyai suhu seragam, hujan yang banyak dan lembap sepanjang tahun. Iklim ini dipengaruhi oleh monsun Timur Laut yang bertiup dari bulan November hingga Mac dan monsun Barat Daya dari Mei hingga September. Pantai timur Semenanjung Malaysia dan kawasan pesisiran pantai Sabah dan Sarawak amat dipengaruhi oleh musim monsun Timur Laut. Manakala, pantai barat Semenanjung Malaysia tidak dipengaruhi kerana dilindungi oleh banjaran gunung yang tinggi.

Stesen Kuala Pilah merupakan satu-satunya stesen meteorologi untuk memantau keadaan cuaca secara berterusan dan menyediakan data meteorologi untuk kegunaan ramalan cuaca.

Purata suhu

Purata suhu tertinggi pada 2020 di stesen Kuala Pilah ialah 31.9°C, menurun 0.3°C berbanding 32.2°C pada 2019. Manakala, purata suhu terendah ialah 23.9°C, berbanding yang direkodkan pada 2019 (23.1°C). **[Paparan 1.1]**

Paparan 1.1: Purata suhu di stesen meteorologi, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

2019		Stesen meteorologi	2020	
Maks.	Min.		Maks.	Min.
32.2°C	23.1°C	Kuala Pilah	31.9°C	23.9°C

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

Taburan hujan

Stesen Kuala Pilah merekodkan hujan tahunan tertinggi pada tahun 2020 iaitu 1,871.0 mm berbanding tahun sebelumnya (607.0 mm). **[Paparan 1.2]**

Paparan 1.2: Jumlah dan bilangan hari hujan di stesen meteorologi, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

2019		Stesen meteorologi	2020	
Jumlah (mm)	Bilangan hari		Jumlah (mm)	Bilangan hari
607.0	137	Kuala Pilah	1,871.0	177

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

Purata kelembapan relatif

Purata kelembapan relatif di Negeri Sembilan adalah 80.9 peratus pada 2020 berbanding pada 2019 (81.3%). **[Paparan 1.3]**

Paparan 1.3: Purata kelembapan relatif di stesen meteorologi, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

2019	Stesen meteorologi	2020
Peratus (%)		Peratus (%)
80.9	Kuala Pilah	81.3

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

C. Status kualiti udara

Udara merupakan campuran beberapa gas yang membentuk atmosfera bumi. Ia terhasil terutamanya daripada nitrogen (lebih kurang 78.0%), oksigen (lebih kurang 21.0%) dan gas-gas lain (lebih kurang 1.0%). Udara amat penting dalam kehidupan di mana kita menggunakannya untuk pembakaran bahan api bagi tujuan pemanasan, pengangkutan, penjanaan kuasa dan lain-lain.

Indeks Pencemaran Udara

Jabatan Alam Sekitar (JAS) memantau kualiti udara negara melalui 65 stesen pengawasan yang ditempatkan di seluruh negara bagi mengawasi dan mengesan sebarang perubahan kualiti udara yang boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

Status kualiti udara di Malaysia dilaporkan dalam Indeks Pencemaran Udara (IPU). Bahan pencemar udara yang digunakan untuk mengira IPU adalah Ozon (O_3), Karbon Monoksida (CO), Nitrogen Dioksida (NO_2), Sulfur Dioksida (SO_2) dan Habuk Halus bersaiz kurang dari 10 mikron (PM_{10}) dan bersaiz kurang dari 2.5 mikron ($PM_{2.5}$).

Status Indeks Pencemaran Udara (IPU)

IPU	Status IPU
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
>300	Berbahaya

Sepanjang pelaksanaan PKP, Negeri Sembilan secara keseluruhannya merekodkan kualiti udara berstatus “baik” dan “sederhana” bagi tahun 2020. Stesen Port Dickson mencatatkan bilangan hari tertinggi (110 hari) kualiti udara berstatus “baik” pada 2020 berbanding 48 hari tahun sebelumnya. Bacaan IPU menunjukkan penurunan paras pencemar udara, khususnya di bandar-bandar utama di seluruh negeri disebabkan pelepasan bahan pencemar ke udara yang lebih rendah seperti asap kenderaan bermotor, pelepasan asap cerobong industri dan aktiviti pembakaran terbuka. **[Paparan 1.4]**

Paparan 1.4: Status kualiti udara[1] mengikut stesen, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

Stesen	Tahun	Baik (0-50)	Sederhana (51-100)	Tidak Sihat (101-200)	Sangat Tidak Sihat (201-300)	Berbahaya (>300)
Negeri Sembilan						
Nilai	2020	25	341	-	-	-
	2019	11	337	15	2	-
Port Dickson	2020	110	256	-	-	-
	2019	48	299	17	1	-
Seremban	2020	105	259	2	-	-
	2019	56	293	16	-	-

[1]Bacaan status kualiti udara berdasarkan bacaan maksimum harian

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

D. Sumber air

Air merupakan sumber asas utama yang penting kepada kehidupan manusia, aktiviti sosio ekonomi seperti aktiviti perindustrian, akuakultur, pengangkutan, pertanian serta penjanaan kuasa. Malaysia memiliki taburan hujan yang banyak serta jaringan sungai yang meluas sebagai sumber air negara. Permintaan terhadap air telah meningkat seiring dengan pertumbuhan penduduk dan peningkatan taraf hidup. Masalah kekurangan air perlu diatasi memandangkan ia boleh menjejaskan aktiviti kemanusiaan dan ekonomi. Oleh itu, pengurusan sumber air hendaklah diberi perhatian supaya dapat memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat.

Sumber air didefinisikan sebagai sumber yang boleh diperoleh untuk kegunaan manusia dan alam sekitar merangkumi sungai, tasik, air bawah tanah, air laut dan sumber air yang lain.

Di Malaysia, 97.0 peratus bekalan air adalah daripada air permukaan manakala selebihnya daripada air bawah tanah. Air bawah tanah berperanan sebagai sumber air alternatif terutama di kawasan tiada bekalan air atau bekalan air tidak mencukupi.

Sumber bekalan air mentah di Negeri Sembilan adalah diabstrak dari sungai dan empangan. Pada 2020, jumlah bekalan air mentah yang diabstrak adalah sebanyak 833 juta liter sehari (JLH) dimana sungai menyumbang 48.0 peratus manakala selebihnya daripada empangan. Pengeluaran air yang dibekalkan di Negeri Sembilan adalah sebanyak 795 JLH pada 2020, meningkat 1.4 peratus berbanding 784 JLH yang dicatatkan pada 2019. **[Paparan 1.5]**

Paparan 1.5: Pengeluaran air yang dibekalkan dan bekalan air mentah diabstrak mengikut sumber, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

(Juta liter sehari)



Sektor domestik merujuk kepada air yang digunakan oleh isi rumah untuk menjalankan aktiviti harian seperti membasuh pinggan mangkuk, memasak, mencuci pakaian, mandi, menyiram tanaman dan lain-lain. Manakala, sektor bukan domestik pula merujuk kepada air yang digunakan untuk tujuan komersil, perindustrian, penggunaan awam pertanian dan penternakan.

Penggunaan air bagi sektor domestik di Malaysia meningkat seiring dengan pelaksanaan PKP pada 2020 memandangkan lebih ramai penduduk Malaysia telah bekerja dari rumah. Sementara itu, penggunaan air bermeter bagi sektor domestik negeri Negeri Sembilan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 8.2 peratus dan sektor bukan domestik menurun sebanyak 9.0 peratus pada 2020 berbanding 2019. **[Paparan 1.6]**

Paparan 1.6: Penggunaan air bermeter mengikut sektor, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

(Juta liter sehari)



Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

E. Buangan klinikal

Buangan klinikal pula merujuk kepada buangan yang terdiri daripada keseluruhan atau sebahagian tisu manusia, darah atau bendalir badan, bahan kumuh, ubat-ubatan, produk farmaseutikal dan lain-lain. Ia diklasifikasikan sebagai buangan terjadual di bawah Jadual Pertama Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005.

Pandemik COVID-19 memberi kesan secara langsung ke atas buangan klinikal disebabkan penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE) dan peralatan ujian COVID-19 dalam pengendalian pesakit COVID-19 di kemudahan kesihatan dan pusat kuarantin. Negeri Sembilan juga mencatatkan 1,645.7 tan metrik buangan klinikal pada 2020 berbanding 1,364.4 tan metrik yang direkodkan pada 2019. **[Paparan 1.7]**

Paparan 1.7: Kuantiti buangan klinikal, Negeri Sembilan, 2019 dan 2020

(Tan metrik)

Buangan klinikal

2020: 1,645.7
2019: 1,364.4

20.6%

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Antara tajuk berita sepanjang pelaksanaan PKP

Sisa klinikal negara meningkat 20 peratus sejak COVID-19 melanda

>> BERITA > NASIONAL > Kuantiti sisa klinikal meningkat tahun lepas: Jabatan Perangkaan

Kuantiti sisa klinikal meningkat tahun lepas: Jabatan Perangkaan

| | 29 November 2021

Listen

Selangor menyumbang jumlah buangan terjadual tertinggi iaitu 28.5 peratus diikuti Johor (16.8 peratus) dan Negeri Sembilan (16.2 peratus). - Foto 123rf

Bernama: sisa klinikal negara meningkat 20%
https://www.sinarharian.com.my/article/175143/BERITA/Nasional/Kuantiti-sisa-klinikal meningkat-tahun-lepas-Jabatan-Perangkaan

Introduction

COVID-19 pandemic has changed the world socioeconomic landscape as a whole since the virus was detected in late 2019. Negeri Sembilan also experienced the effects of this pandemic. Therefore, to control the spread of the pandemic, the government had taken measures by implementing the Movement Control Order (MCO) in March 2020. When cases of infection showed a decline, the government implemented the Recovery Movement Control Order (RMCO) by allowing cross-country travel and districts until December 2020. However, travel across states and districts for areas under Enhanced Movement Control Order (EMCO) and the Conditional Movement Control Order (CMCO) were prohibited.



[1] The number of EMCO days is calculated based on the area announced

The implementation of the MCO has affected Negeri Sembilan's economic growth whereby in 2020 Gross Domestic Product (GDP) at a constant 2015 price recorded at RM46.3 billion (2019: RM48.0 billion) declined 3.6 per cent. Negeri Sembilan's GDP contributes 3.4 per cent to Malaysia's GDP. Meanwhile, the GDP per capita was RM45,895 (2019: RM45,391). This was due to the implementation of total lockdown whereby only essential sectors were allowed to operate throughout the MCO which applied for 47 days since 18th March 2020 to 3rd May 2020.

From another perspective, MCO had not only curbed the spread of COVID-19 but had a positive impact on the state of Negeri Sembilan environment. The positive effect can be seen in the Air Pollution Index (API), road accident rate and river water quality.

.

A. Environmental Quality

Air pollutants are chemical substances in the air that can be harmful to human beings and the environment. Pollutants can be in the form of solid particles, liquid droplets or gases. There are six (6) primary pollutants namely Ground Level Ozone (O_3), Carbon Monoxide (CO), Sulphur Dioxide (SO_2), Nitrogen Dioxide (NO_2) and Particulate Matter (PM_{10} & $PM_{2.5}$). Air pollution occurs when these pollutants are present in the atmosphere. The sources and effects of air pollutants are shown in ***Appendix 3****.*

Particulate Matter (PM_{10} & $PM_{2.5}$)

Particulate Matter (PM_{10} & $PM_{2.5}$) is the term used to describe respirable particles of less than 10 and 2.5 micron in diameter. Particles may be solid or liquid and includes aerosol, dust, smoke and pollen. Emission of PM_{10} from motor vehicle exhausts, heat and power generation, industrial processes and open burning activities will lead to air pollution and endangered human health and plants.

The monthly average trend concentration of PM_{10} in the Negeri Sembilan air declined during the implementation of MCO effective 18th March 2020 to 3rd May 2020 (47 days), CMCO (65 days) and RMCO (177 days) showed its lowest level during MCO as compared to 2019 except in June and December 2020 (Nilai); and December (Seremban).

Chart 1.1: Monthly average concentration of PM_{10} in the air, Nilai station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.2: Monthly average concentration of PM_{10} in the air, Port Dickson station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.3: Monthly average concentration of PM_{10} in the air, Seremban station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

The implementation of MCO also had a positive impact on the monthly average trend of $PM_{2.5}$ concentration in the air in Negeri Sembilan in 2020 where $PM_{2.5}$ recorded the lowest level during MCO as compared to 2019 except in June and December 2020 (Nilai and Seremban); and December (Port Dickson).

Chart 1.4: Monthly average concentration of $PM_{2.5}$ in the air, Nilai station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.5: Monthly average concentration of $PM_{2.5}$ in the air, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.6: Monthly average concentration of $PM_{2.5}$ in the air, Seremban station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Ground level ozone (O_3)

O_3 is a pollutant formed by the chemical reaction in the air between volatile organic compounds (VOCs) and nitrogen oxide (NOx). These VOCs and NOx are produced by motor vehicles and industrial sources.

The monthly average trend of O_3 concentration in air declined throughout the implementation of MCO. In general, the O_3 reading in 2020 is lower than in 2019 except in May and December 2020 (Seremban). This is due to the opening of the economic sector as well as the relaxation of cross-state movements during CMCO/RMCO causing an increase pollution in O_3.

Chart 1.7: Monthly average concentration of O_3 in the air, Nilai station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.8: Monthly average concentration of O_3 in the air, Port Dickson station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.9: Monthly average concentration of O_3 in the air, Seremban station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Carbon Monoxide (CO)

CO is a colourless, odourless and toxic gas produced from fossil fuel combustion sources such as vehicle exhaust, industrial processes and open burning activities.

The monthly average trend of CO concentration in the air throughout MCO implementation showed the lowest level at all stations as compared to 2019 due to cross-state mobility control and working from home by indirectly reducing vehicle usage. However, the opening up of the economic sector as well as cross-state permits led to an increase in CO concentrations especially in June, November and December 2020 (Nilai); May and June (Port Dickson), December 2020 (Seremban).

Chart 1.10: Monthly average concentration of CO in the air, Nilai station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.11: Monthly average concentration of CO in the air, Port Dickson station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.12: Monthly average concentration of CO in the air, Seremban station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Sulphur Dioxide (SO_2)

SO_2 is colourless, water-soluble reactive gas with an irritating odour. Excessive exposure to high concentration of SO_2 in the atmosphere causes respiratory illnesses and complications of cardiovascular problems.

The monthly average trend concentration of SO_2 in the air during the implementation of MCO in 2020 declined as compared to 2019 except in June 2020 (Nilai); June and October (Port Dickson); and June to December 2020 (Seremban).

Chart 1.13: Monthly average concentration of SO_2 in the air, Nilai station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.14: Monthly average concentration of SO_2 in the air, Port Dickson station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.14: Monthly average concentration of SO_2 in the air, Seremban station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Nitrogen Dioxide (NO_2)

NO_2 is formed in the ambient air through the oxidation of Nitrogen Monoxide (NO). This reddish brown toxic gas has a sharp and pungent odour.

The monthly average trend of NO_2 concentration in the air in 2020 showed a decrease compared to 2019 due to the implementation of MCO except in December 2020 (Nilai and Seremban); October and December 2020 (Port Dickson).

Chart 1.15: Monthly average concentration of NO_2 in the air, Nilai station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.16: Monthly average concentration of NO_2 in the air, Port Dickson station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

Chart 1.18: Monthly average concentration of NO_2 in the air, Seremban station, Negeri Sembilan, 2019 and 2020



Source: Department of Environment

B. Mean temperature, rainfall and mean relative humidity

Malaysia's climate is categorised as equatorial, has a uniform temperature, copious rainfall and humid throughout the year. This climate is influenced by the Northeast monsoon blows from November to March and the Southwest monsoon from May to September. The east coast of Peninsular Malaysia and the coastal areas of Sabah and Sarawak are strongly influenced by the Northeast monsoon season. However, the west coast of Peninsular Malaysia is not affected because it is protected by the soaring mountain ranges.

Kuala Pilah station is the only meteorological station in Negeri Sembilan to monitor the weather conditions continuously and provide meteorological data which are used in weather forecasting.

Mean temperature

The highest mean temperature in 2020 at Kuala Pilah station was 31.9°C, decrease of 0.3°C compared to 32.2°C in 2019. Meanwhile, the lowest mean temperature was 23.9°C as compared recorded in 2019 (23.1°C). ***[Exhibit 1.1]***

Exhibit 1.1: Mean temperature at meteorological stations, Negeri Sembilan, 2019 and 2020

2019		Meteorological stations	2020	
Max.	Min.		Max.	Min.
